

Pesalah Juvana Lelaki Dan Pengaruh Persekitaran Sosial Dari
Perspektif Geografi Sosial: Kajian Kes Di Pusat-Pusat Pemulihan
Juvana Di Pulau Pinang

Oleh

MUHAMMAD RAINI BIN MAT RAHIM

Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi Ijazah
Doktor Falsafah

2006

PENGHARGAAN

Dalam kesempatan ini, saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. atas hidayah dan limpah kurnianya hingga membolehkan kajian ini disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga ditujukan kepada penyelia utama tesis ini, Profesor Madya Dr. Suriati Ghazali yang telah memberikan bimbingan, dorongan serta keyakinan sepenuhnya kepada saya dalam menjalankan kajian ini. Sesungguhnya perjumpaan dan perbincangan bersama beliau sepanjang tempoh kajian ini dijalankan telah banyak membantu merangsang minda dan mencabar keupayaan diri melampaui sempadan keilmuan. Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada penyelia bersama tesis ini Dr. Sharifah Rohayah Sheikh Dawood.

Tidak lupa kepada semua pensyarah dan warga Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang telah membantu secara langsung dan tidak langsung dalam penulisan tesis ini. Perhatian anda semua telah memberikan rangsangan dan semangat sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Dalam kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia terutamanya Bahagian Biasiswa yang telah memberikan peluang dan pembiayaan dalam menjalankan kajian ini. Masa yang diberikan telah dimanfaatkan sepenuhnya dan peluang yang disediakan telah digunakan dengan semaksimumnya.

Penghargaan juga diberikan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia terutama Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang yang telah memberikan kebenaran untuk menjalankan kajian di institusi-institusi seliaan mereka iaitu Asrama Paya Terubung, Air Itam (APT) dan Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar, Butterworth (STBTAT) serta Pejabat Kebajikan Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Begitu juga kepada pegawai dan kakitangan jabatan yang telah memberikan layanan mesra dan kerjasama yang baik semasa kajian ini dijalankan. Kepada para penghuni institusi berkenaan, penghargaan juga diberikan atas layanan, kesudian dan kesediaan anda semua menerima penulis sebagai tetamu dan sahabat yang baik. Kerjasama anda semua dalam berkongsi pengetahuan dan pengalaman hidup amat dihargai.

Ucapan khas dirakamkan kepada rakan-rakan seperjuangan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman, Nibong Tebal yang sentiasa memberikan perhatian dan perangsang sehingga tamat tempoh pengajian ini.

Sesungguhnya, budi baik anda semua hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

Semoga usaha dan perjuangan ini diberkati Allah hendaknya. Kejayaan ini adalah satu usaha permulaan ke arah perjuangan yang lebih besar dalam dunia yang lebih luas.

Wassalam.

MUHAMMAD RAINI BIN MAT RAHIM

2006

Sekalung budi untuk

Kedua ibu bapa yang tersayang
MAT RAHIM BIN ABDUL MAJID
SOM BT YAHAYA

Isteri yang tercinta
ROKIAH BT MOHD SOM

Anak-anak yang dikasihi
KAMAL
KHAIRI AKMAL
FARAH LIYANA

Guru-guru yang dihormati

Rakan-rakan seperjuangan yang diingati

Anda semua menjadi sumber inspirasi buat kejayaan ini.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	-v
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI PETA	xviii
ABSTRAK	xix
ABSTRACT	xxi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian: Senario Jenayah Juvana	3
1.3	Persoalan Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Definisi Operational Kajian	12
1.6	Kepentingan Kajian	15
1.7	Batasan Dan Skop Kajian	17
1.8	Organisasi Kajian	19

BAB 2 JUVANA, JENAYAH DAN PERSEKITARAN SOSIAL: SATU SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2	Konsep Juvana Dan Pesalah Juvana	22

2.3	Teori Ekologi Tentang Perlakuan Jenayah Juvana	24
2.4	Teori-teori Lain Yang Berkaitan Jenayah Juvana	28
2.4.1	Teori-Teori Persekitaran Jenayah Dan Perjenayah (Geografi Jenayah)	28
2.4.2	Teori-Teori Tentang Penjenayah	38
2.4.3	Teori-Teori Tentang Minda Penjenayah	39
2.4.4	Teori-Teori Tentang Jenayah Berasaskan Sistem Sosial	41
2.4.5	Teori-Teori Jenayah Berasaskan Pertentangan Dalam Masyarakat	44
2.5	Kerangka Konseptual Kajian	46
2.5.1	Persekitaran Sosial	46
2.5.2	Persekitaran Sosial Individu (PSI)	47
2.5.3	Persekitaran Sosial Kolektif (PSK)	52
2.5.4	Kesan PSI Dan PSK Kepada Juvana	56
2.6	Kesimpulan	60

BAB 3 SENARIO PESALAH JUVANA DI MALAYSIA

3.1	Pengenalan	61
3.2	Pesalah Juvana Di Malaysia	63
3.2.1	Had Umur Pesalah Juvana Di Malaysia	63
3.2.2	Bentuk Jenayah Juvana	63
3.2.3	Statistik Kes Pesalah Juvana	64
3.2.4	Jenayah Yang Dilakukan Oleh Juvana Di Malaysia	66

3.3	Sebab-Sebab Pesalah Juvana Terlibat Dalam Jenayah	69
	3.3.1 Persekitaran Sosial Individu	69
	3.3.2 Persekitaran Sosial Kolektif	71
3.4	Sistem Keadilan Dan Hukuman Pesalah Juvana Di Malaysia	75
	3.4.1 Model Sistem Keadilan Jenayah Di Malaysia	76
	3.4.2 Kanun Keseksaan (AKTA 574) Dan Kanun Acara Jenayah	77
	3.4.3 Akta Kanak-Kanak 2001 (AKTA 611)	78
	3.4.4 Proses Pendakwaan Dan Perintah	79
	3.4.5 Pusat-Pusat Pemulihan Bagi Pesalah Juvana	84
3.5	Kesimpulan	86

BAB 4
JENAYAH JUVANA DAN PERSEKITARAN SOSIAL DI
PULAU PINANG

4.1	Pengenalan	88
4.2	Jenayah Juvana Di Pulau Pinang	89
4.3	Persekitaran Sosial Dan Jenayah Juvana	91
	4.3.1 Persekitaran Sosial Individu	91
	4.3.2 Persekitaran Sosial Kolektif	92
	4.3.2.1 Perbandaran Di Pulau Pinang	93
	4.3.2.2 Perumahan Dan Kawasan Kejiranan	95
	4.3.2.3 Kesan Pertumbuhan Ekonomi Kepada Keluarga	99

4.3.2.4	Kawasan Panas (<i>hot spot</i>)	102
4.3.2.5	Tempat Sosial	103
4.4	Kesimpulan	106

BAB 5 STRATEGI KAJIAN

5.1	Pengenalan	107
5.2	Pesalah Juvana Lelaki Sebagai Fokus Kajian	107
5.3	Pemilihan Pusat-Pusat Pemulihan Juvana Di Pulau Pinang	108
5.4	Akses Awal dan Menjalinkan Hubungan Saling Kepercayaan	111
5.5	Kaedah Pengumpulan Data	113
	5.5.1 Kaedah Kuantitatif : Soal Selidik	114
	5.5.2 Kaedah Kualitatif : Kaedah Pemerhatian Ikut Serta Dan Temu Bual Mendalam	116
5.6	Tatacara Persampelan	120
	5.6.1 Pemilihan Responden Untuk Soal Selidik	120
	5.6.2 Pemilihan Responden Untuk Temu Bual Mendalam	121
5.7	Aktiviti Penyelidikan Dan Analisis Data	121
5.8	Had-Had Data Kajian	126
5.9	Etika Penyelidikan	127

BAB 6
PERSEKITARAN SOSIAL INDIVIDU

6.1	Pengenalan	129
6.2	Latar Belakang Responden Kajian	130
6.3	Persekitaran Sosial Individu	136
6.4	Tahap Kehidupan	138
6.4.1	Tahap Pendidikan Pesalah Juvana	138
6.4.2	Kegagalan Mengintegrasikan Diri Dengan Institusi Pendidikan Formal	140
6.4.3	Pendidikan Agama Di Kalangan Pesalah Juvana	151
6.4.4	Kegagalan Mengintegrasikan Diri Dengan Institusi Agama	154
6.4.5	Pekerjaan Responden Kajian	157
6.4.6	Tujuan Juvana Bekerja	162
6.5	Peluang Kehidupan	167
6.5.1	Pekerjaan Ibu Bapa	168
6.5.2	Pendapatan Ibu Bapa Dan Keluarga Responden	174
	Pendidikan Ibu Bapa Responden	178
6.6	Kesimpulan	180

BAB 7
PERSEKITARAN SOSIAL KOLEKTIF

7.1	Pengenalan	187
7.2	Persekitaran Sosial Kolektif	188
7.3	Persekitaran Sosial Rumah	188

7.3.1	Jenis Rumah Keluarga Dan Persepsi Responden Terhadap Keadaan Rumah Mereka	189
7.3.2	Jenis Rumah Dan Bilangan Bilik	193
7.3.3	Bilangan Bilik Dan Kesannya	197
7.3.4	Bilangan Ahli Keluarga Dan Pesalah Juvana	198
7.4	Persekitaran Sosial Kawasan Kejiranan	201
7.4.1	Hubungan Dengan Jiran	202
7.4.2	Aktiviti Dalam Kawasan Kejiranan	207
7.4.3	Hubungan Dengan Kawan-Kawan	209
7.5	Persekitaran Tempat Sosial Dalam Bandar	217
7.6	Persekitaran Sosial Yang Menarik Untuk Jenayah Juvana	225
7.7	Kesimpulan	231

BAB 8 CADANGAN DAN KESIMPULAN

8.1	Pengenalan	236
8.2	Rumusan Dapatan Kajian	236
8.3	Sumbangan Utama Kajian	245
8.3.1	Sumbangan Kepada Konsep Sedia Ada	245
8.3.2	Sumbangan Kepada Amalan Dan Dasar Kawalan Jenayah	249
8.3.3	Memperkuh Hubungan Sosial Juvana Dalam Masyarakat	249
8.3.4	Memperkasa Hubungan Sosial Masyarakat	251
8.3.5	Memperkasa Keluarga	253

8.3.6	Memperkasa Dasar-Dasar Negara	255
8.4	Potensi Kajian Masa Depan	256
BIBLIOGRAFI		258
LAMPIRAN 1 : Latar Belakang Responden Kajian		282
LAMPIRAN 2 : Soal Selidik Dan Temu Bual Berstruktur		291
LAMPIRAN 3 : Analisis Peperiksaan PMR Dan SPM STBTAT		302

SENARAI JADUAL

JADUAL		HALAMAN
1.1	Rumusan Laporan Jenayah di Kalangan Juvana oleh Akhbar Arus Perdana Tempatan Sepanjang Bulan April 2004.	5
1.2	Rencana Teritang Jenayah Juvana oleh Akhbar Arus Perdana Tempatan Sepanjang Bulan April 2004.	6
3.1	Kedudukan Kes Juvana Yang Didapati Bersalah Mengikut Negeri-Negeri Tahun 2001-2003	65
3.2	Kes Juvana Berdasarkan Jantina Tahun 2001 dan Tahun 2003	65
3.3	Bilangan Sekolah Menengah Yang Dikenal Pasti Bermasalah Mengikut Negeri	70
3.4	Sekolah Tunas Bakti	85
3.5	Institusi Pemulihan : Asrama Akhlak	86
4.1	Bilangan dan Peratus Penduduk Bandar dan Luar Bandar di Pulau Pinang Tahun 1991 dan 2000	94
4.2	Kepadatan Penduduk Bandar dan Luar Bandar di Pulau Pinang	96
4.3	Stok Perumahan Jenis Kediaman Tinggi di Pulau Pinang 1966-1998	99
6.1	Tempat Asal Responden Yang Sedang Menjalani Pemulihan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	131
6.2	Tempat Asal Responden Pulau Pinang Yang Sedang Menjalani Pemulihan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	131
6.3	Tempat Asal Juvana Yang Sedang Menjalani Pemulihan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	133
6.4	Umur Responden Yang Sedang Menjalani Pemulihan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	133

6.5	Umur dan Bilangan Kesalahan Yang Dilakukan oleh Responden Juvana Sebelum Ditangkap dan Dipulihkan di Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang.	135
6.6	Jenis Kesalahan Yang Dilakukan oleh Responden Yang Sedang Menjalani Pemulihan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang.	135
6.7	Tahap Pendidikan Responden Juvana Sebelum Ditangkap dan Dipulihkan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	140
6.8	Tahap Pendidikan dan Jenis Jenayah Yang Dilakukan oleh Responden Juvana Sebelum Ditangkap dan Dipulihkan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	142
6.9	Sudut Pandangan Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Tentang Pengalaman Persekolahan Mereka	144
6.10	Pendapatan dan Perbelanjaan Responden Juvana Sebelum Ditangkap dan Dipulihkan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	150
6.11	Pendidikan Agama Responden Juvana Sebelum Ditangkap dan Dipulihkan di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	152
6.12	Pengalaman Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang dengan Institusi Pendidikan Agama	155
6.13	Pekerjaan Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Sebelum Ditangkap Melakukan Kesalahan Jenayah	158
6.14	Kesalahan Jenayah dan Pekerjaan di Kalangan Juvana Sebelum Ditangkap dan Dipulihkan di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	160
6.15	Makna Dari Sudut Pandangan Juvana di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Tentang Tujuan Mereka Bekerja	163

6.16	Persepsi Responden di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Tentang Cara Mereka Menggunakan Wang Hasil Pekerjaan Mereka	165
6.17	Pekerjaan Bapa Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	169
6.18	Pekerjaan Ibu Responden Juvana di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	170
6.19	Persepsi Responden Juvana di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Terhadap Tingkah Laku Ibu dan Bapa Mereka	171
6.20	Pendapatan Bapa, Ibu dan Keluarga Responden Juvana di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	175
6.21	Jenayah Di Kalangan Responden Juvana Yang Berasal Daripada Keluarga Berpendapatan Tinggi dan Kini Ditahan di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	177
6.22	Tahap Pendidikan Bapa Responden Yang Sedang Menjalani Pemulihan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	179
6.23	Tahap Pendidikan Ibu Responden Yang Sedang Menjalani Pemulihan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	180
7.1	Jenis Rumah Keluarga Responden Yang Sedang Menjalani Pemulihan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	189
7.2	Persepsi Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Tentang Persekitaran Rumah Mereka	190
7.3	Sudut Pandangan Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Tentang Sebab Mereka Tidak Suka Duduk di Rumah	191
7.4	Jenis Rumah dan Bilangan Bilik Responden Yang Sedang Menjalani Pemulihan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	195

7.5	Jumlah Ahli Keluarga Responden Juvana di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Berbanding dengan Bilangan Bilik	196
7.6	Pendapat Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Tentang Bilik Sendiri dan Tempat Mereka Tidur	197
7.7	Bilangan Adik Beradik Dalam Keluarga Responden Yang Sedang Menjalani Pemulihan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	199
7.8	Pendapat Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Tentang Hubungan dengan Jiran Mereka	202
7.9	Pendapat Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Tentang Ke kerap an Jiran Menasihati Mereka	204
7.10	Persepsi Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Tentang Hubungan Mereka dengan Jiran-Jiran	205
7.11	Penglibatan Responden Juvana dalam Persatuan Sebelum Mereka Ditahan dan Dipulihkan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	208
7.12	Pendapat Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Tentang Hubungan Mereka dengan Kawan-Kawan	210
7.13	Pendapat Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Tentang Peluang Mereka untuk Berkawan	212
7.14	Persepsi Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Tentang Pengaruh Kawan Terhadap Perlakuan Jenayah Mereka	215
7.15	Tempat Sosial Yang Selalu Dikunjungi oleh Responden Juvana Sebelum Mereka Ditahan dan Dipulihkan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	218

7.16	Sudut Pandangan Responden Juvana Terhadap Tujuan Kunjungan Mereka Ke Tempat-Tempat Sosial Sebelum Mereka Ditahan dan Dipulihkan di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	221
7.17	Persepsi Responden Juvana di Pulau Pinang Tentang Tempat Sosial Yang Dikunjungi Mereka Sebelum Mereka Ditahan di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	222
7.18	Sudut Pandangan Responden Juvana Tentang Bagaimana Kafe Siber, Pusat Hiburan dan Pusat Snuker Mempengaruhi Mereka Terlibat Dalam Jenayah Sebelum Mereka Ditahan dan Dipulihkan di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	223
7.19	Pendapat Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Tentang Keadaan Persekitaran Tempat Semasa Melakukan Kesalahan Jenayah	226
7.20	Pendapat Responden Juvana Tentang Waktu Semasa Melakukan Kesalahan Jenayah Sebelum Ditahan dan Dipulihkan di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	227
7.21	Pendapat Responden Juvana di Dua Buah Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang Tentang Jarak Tempat Mereka Melakukan Jenayah dengan Kawasan Kediaman	228

SENARAI RAJAH

RAJAH		HALAMAN
2.1	Rangka Kerja Konseptual Pesalah Juvana Lelaki dan Pengaruh Persekitaran Sosial	59
3.1	Proses Pendakwaan dan Perintah bagi Pesalah Juvana	80
5.1	Aktiviti Penyelidikan dan Penganalisan Data Kajian	125
6.1	Persekitaran Sosial Individu	184
7.1	Persekitaran Sosial Kolektif Hasil Kajian ke Atas Pesalah Juvana di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	233
8.1	Persekitaran Sosial Pesalah Juvana di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang	242
8.2	Jenayah Juvana dan Persekitaran Sosial	244
8.3	Memperkukuhkan Hubungan Sosial Individu Juvana	250

SENARAI PETA

PETA		HALAMAN
2.1	Zon Bandar dan Jenayah Juvana	27
4.1	Kawasan Tepu Bina di Pulau Pinang	97
6.1	Tempat Asal Responden dari Pulau Pinang	132
7.1	Jarak Pesalah Juvana Melakukan Jenayah dari Tempat Tinggal	230

Pesalah Juvana Lelaki dan Pengaruh Persekitaran Sosial dari Perspektif Geografi Sosial: Kajian Kes di Pusat-Pusat Pemulihan Juvana di Pulau Pinang

ABSTRAK

Aktiviti jenayah di kalangan juvana merupakan isu yang terkini dan membimbangkan banyak pihak. Pesalah jenayah juvana selalunya diimejkan sebagai mereka yang berlatar belakangkan keluarga yang bermasalah, miskin, mempunyai status sosial yang rendah dan mempunyai masalah pembelajaran di sekolah. Sejauh mana perkara-perkara di atas benar masih terus menjadi subjek kajian para pengkaji jenayah juvana daripada negara-negara Barat dan juga di Malaysia. Kajian tentang punca perlakuan jenayah di kalangan juvana adalah amat mendesak memandangkan kadar jenayah dan jenis jenayah juvana hari ini semakin meningkat. Hal ini disebabkan perubahan yang berlaku dalam persekitaran sosial individu dan kolektif yang semakin meluas dan bersifat global. Berdasarkan keadaan ini, kajian ini dijalankan untuk meneroka secara mendalam pendapat para juvana sendiri tentang pengaruh persekitaran sosial terhadap perlakuan jenayah mereka. Aspek persekitaran sosial yang dikaji terbahagi kepada dua iaitu Persekitaran Sosial Individu (PSI) dan Persekitaran Sosial Kolektif (PSK). Kajian berbentuk penerokaan ini menggabungkan kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Penggabungan kedua-dua kaedah ini membolehkan penggunaan pelbagai kaedah dalam proses pemungutan data. Kaedah yang digunakan ialah soal selidik kepada 148 orang pesalah juvana, temu bual mendalam dan pemerhatian ikut serta ke atas 32 orang responden di dua

buah pusat pemulihan juvana di Pulau Pinang. Dapatan kajian menunjukkan faktor PSI yang mempengaruhi juvana terlibat dengan jenayah ialah kegagalan juvana mengintegrasikan diri mereka dengan institusi masyarakat seperti institusi pendidikan dan agama dan institusi keluarga. Kegagalan integrasi ini menyebabkan institusi-institusi tersebut tidak berkeupayaan mengawal perlakuan juvana. Manakala, faktor PSK pula ialah kesesakan persekitaran sosial rumah, kawasan kejiranan yang berbentuk terpisah dan permasalahan tempat sosial juvana. Imej yang diberikan juvana kepada faktor-faktor PSI seperti institusi keluarga dan masyarakat adalah negatif. Imej bagi faktor-faktor PSK seperti persekitaran sosial rumah dan kawasan kejiranan adalah negatif manakala tempat sosial dan kawan adalah positif. Pengalaman ini dikongsi bersama oleh juvana daripada pelbagai latar belakang keluarga, status, tempat dan negara. Hal ini kerana persekitaran sosial semakin bersifat universal pada ketika ini. Kajian ini menyarankan agar masyarakat mengukuhkan hubungan sosial dan jaringan sosial antara ahli bagi mewujudkan modal sosial untuk mengatasi masalah perlakuan jenayah di kalangan juvana.

Male Juvenile Criminals and Social Environmental Influences from the Social Geographical Perspective: A Case Study in Juvenile Rehabilitation Centres in Penang

ABSTRACT

Juvenile criminal activities are considered current and distressing issues today. The images of juvenile criminals portray those from broken family backgrounds, those with low socio-economic status and those who have experienced learning difficulties in schools. To what extent these assertions are true is still under studied by many researchers. The study on causes for juveniles' criminal behaviours is very much needed as the rate and types of juvenile crimes are increasing. This increase is due to the changes in individual and collective social environments that are becoming wider and more global in nature. In relation to this, my study will explore juveniles' own experiences and views about the influences of social environments on their criminal behaviours. The two aspects of social environments explored in this study are (1) individual social environments (ISE) and (2) collective social environments (CSE). This study, which combines both qualitative as well as quantitative methods in the data collection, has employed questionnaires on 148 juvenile criminals, in-depth interviews on 32 juvenile informants and participation observation with the juveniles in two juvenile rehabilitation centres in Penang. This study finds that the failure of the juveniles to integrate themselves with the social institutions such as educational, religious and family institutions are aspects in individual social environments (ISE) that influence juveniles to adopt criminal behaviours. This has led to the inability of such institutions to manage or control

juveniles' behaviours. On the other hand, factors in collective social environments that lead towards juveniles' criminal behaviours are; socially overcrowded home environments, segregated neighbourhoods and the image of "social places". The juveniles studied impose negative images towards their family and community, the home social environments and the neighbourhoods, whereas they offer positive images towards their friends and "social places". These experiences are shared among juveniles from various family backgrounds, social status, places and countries, which are due to the universality of social environments today. This study suggests that the society should enhance and strengthen social relationships and networks among members in order to create a strong social capital, that will help to reduce and overcome juveniles' criminal behaviours.

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Jenayah di kalangan juvana adalah satu isu terkini dan sentiasa berlaku. Oleh itu, pemahaman punca keterlibatan juvana dalam jenayah perlu dikaji secara mendalam. Keperluan ini wujud memandangkan kadar jenayah dan jenis jenayah yang dilakukan oleh para juvana hari ini semakin meningkat. Selain itu, perlakuan jenayah di kalangan juvana bukan sahaja memberikan kesan kepada kehidupan para juvana tersebut malah kesan negatif jenayah juvana ini dirasai oleh pemimpin negara, pihak berkuasa seperti pihak polis dan masyarakat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Kejadian dan peningkatan jenayah juvana turut dikaitkan dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat terutamanya dari segi persekitaran sosial yang semakin meluas dan bersifat global.

Kajian ini akan meneliti tentang punca perlakuan jenayah di kalangan para juvana dengan berfokuskan persekitaran sosial para pesalah juvana. Tumpuan akan diberikan kepada persekitaran sosial individu (PSI) dan persekitaran sosial kolektif (PSK) yang mempengaruhi para juvana untuk terlibat dengan perlakuan jenayah kerana perlakuan manusia dalam tahap-tahap tertentu dapat memperlihatkan pengaruh persekitaran sosial yang melingkungi kehidupan manusia tersebut (Porteus, 1977; Aitken, 1992).

Untuk memahami perlakuan jenayah di kalangan para juvana, kajian ini menggunakan pendekatan geografi sosial sebagai asas dalam mengkaji imaginasi kritikal pesalah juvana yang berada di pusat-pusat pemulihan juvana di Pulau Pinang. Geografi sosial di sini merujuk kepada kajian hubungan sosial antara manusia yang berfokuskan hubungan antara individu dan masyarakat serta ruang yang diduduki dan digunakan bagi menjalankan kegiatan harian (Barke et. al., 2001: 1-10). Lebih khusus lagi, kajian ini cuba memahami juvana sebagai individu secara mendalam dan bentuk-bentuk hubungan mereka dengan individu yang lain (ibu bapa, rakan, jiran dan masyarakat) dalam ruang di mana mereka berada (rumah, institusi sosial seperti sekolah, institusi agama dan bandar) semasa para juvana menjalankan kehidupan harian mereka. Justeru, kajian berasaskan perspektif geografi sosial pesalah juvana menganalisis fenomena sosial yang berlaku dalam ruang dan juga hubungan sosial antara individu dan kumpulan dalam persekitaran sosial mereka.

Dalam geografi sosial, imaginasi kritikal digunakan untuk mengkaji imej dan makna yang dibentuk oleh individu tentang dunia sosial mereka. Justeru, imaginasi kritikal juvana dikaji untuk memahami secara mendalam bagaimana para juvana membentuk struktur pemahaman dunia sosial mereka dan seterusnya bagaimana pemahaman tersebut membentuk tingkah laku para juvana dalam ruang sosialnya (Driver, 1999: 209-216). Hal ini perlu memandangkan aktiviti dan perlakuan juvana kini banyak bertumpu kepada

perlakuan berbentuk jenayah dan membahayakan diri mereka sebagai individu amnya dan masyarakat khususnya.

1.2 Latar Belakang Kajian: Senario Jenayah Juvana

Jenayah juvana kini merupakan masalah global dan berlaku dengan berleluasa di negara maju dan juga di negara membangun (Mustapa, 2005: 12). Di negara maju seperti Amerika Syarikat, 1.7 juta juvana terlibat dalam pelbagai perlakuan jenayah seperti mencuri, membunuh dan bergaduh (Harms, 2003: 1). Manakala, bilangan juvana yang ditahan di Singapura meningkat sebanyak sembilan peratus daripada Januari hingga Jun 2005 dengan kesalahan seperti mencuri, melakukan aktiviti gangsterisme seperti memeras ugut dan membuli¹. Di Malaysia pula, bilangan juvana yang ditahan sepanjang tahun 2000 hingga 2004 ialah sebanyak 34,156 orang juvana. Mereka ditahan melakukan pelbagai kesalahan jenayah seperti bergaduh, mencuri, menyamun dan membunuh (Malaysia, 2004: Malaysia, 2003)². Menurut Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, bagi tempoh Januari hingga Julai 2005 sebanyak 121 pelajar ditahan polis setiap bulan kerana terlibat dalam 1,048 kes jenayah di seluruh negara (Shamshul Azree, 2004: 5).

Kejadian jenayah juvana yang mendapat liputan akhbar setiap hari menunjukkan keprihatinan dan keamatan pelbagai pihak tentang perlakuan

¹ Rujuk kepada akhbar Berita Harian, 21 Julai 2005: 10 untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang hal ini.

² Rujuk juga kepada Berita Harian, 21 April 2005: B9 dan Berita Harian, 12 Julai 2005a : 10

jenayah di kalangan juvana sehingga menimbulkan tahap kebimbangan yang tinggi di kalangan masyarakat. Hal ini jelas dirasai apabila pelbagai pihak menggesa kerajaan melaksanakan program khas untuk membendung perlakuan jenayah di kalangan para juvana³. Selain itu, tangkapan pesalah jenayah juvana yang kebanyakannya berlaku di bandar menunjukkan implikasi bahawa bandar merupakan tempat tumpuan pesalah jenayah juvana melakukan kegiatan jenayah mereka. Aktiviti-aktiviti dalam bandar seperti pusat hiburan, kawasan pusat hiburan dan pelancongan (seperti kawasan Persiaran Gurney) dan pusat-pusat kafe siber dikatakan mempengaruhi para juvana untuk terlibat dalam jenayah juvana⁴.

Jadual 1.1 menunjukkan rumusan laporan kes-kes jenayah di kalangan juvana di seluruh Malaysia yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar arus perdana tempatan di Malaysia pada bulan April 2004. Kes yang banyak dilaporkan ialah kes membunuh dan kes buli. Akhbar Utusan Malaysia melaporkan 5 kes membunuh manakala akhbar Harian Metro melaporkan 2 kes membunuh yang melibatkan juvana sepanjang bulan April 2004. Akhbar Utusan Malaysia mencatatkan jumlah laporan kes jenayah yang dilakukan oleh juvana iaitu sebanyak 18 laporan manakala akhbar News Straits Times melaporkan hanya dua kes jenayah yang dilakukan oleh juvana sepanjang bulan April 2004.

³ Rujuk juga kepada akbar berikut untuk mendapatkan maklumat lanjut iaitu Berita Harian, 19 Ogos 2002: 10; Berita Harian, 13 Ogos 2002: 8; Utusan Malaysia, 5 Ogos 2002: 14; Utusan Malaysia, 17 Mei 2004:1

⁴ Sunday Star, 6 Oktober 2002: 12

Jadual 1.1 Rumusan Laporan Jenayah di Kalangan Juvana oleh Akhbar Arus Perdana Tempatan Sepanjang Bulan April 2004.

Akhbar	Kes-kes Jenayah Juvana	Bilangan Laporan	Jumlah Laporan
Utusan Malaysia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Lepak di pusat internet 2. Ponteng sekolah 3. Buli 4. Membunuh 5. Pergaduhan 6. Gangsterisme 7. Samun 	<p style="text-align: center;">3 2 1 5 5 1 1</p>	18
Berita Harian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mencuri 2. Rogol 3. Buli 4. Mencuri motorsikal 	<p style="text-align: center;">1 1 1 1</p>	4
Harian Metro	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ponteng sekolah 2. Membunuh 	<p style="text-align: center;">1 2</p>	3
New Straits Times	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ponteng sekolah 2. Gangsterisme 	<p style="text-align: center;">1 1</p>	2

Sumber: Kajian penulis ke atas laporan akhbar tempatan arus perdana sepanjang bulan April 2004.

Manakala Jadual 1.2 pula menunjukkan rumusan tajuk-tajuk rencana yang berkaitan dengan jenayah juvana di Malaysia sepanjang bulan April 2004. Rencana tersebut ditulis di dalam akhbar arus perdana tempatan oleh anggota masyarakat yang prihatin terhadap masalah jenayah yang berlaku di kalangan para juvana. Keamatan masyarakat yang tinggi ditunjukkan dalam masalah ponteng sekolah. Rencana tentang ponteng sekolah merupakan rencana yang paling banyak dengan akhbar Utusan Malaysia menyiarkan sebanyak 17 rencana manakala akhbar Berita Harian menyiarkan sebanyak 6 rencana sahaja sepanjang bulan April 2004. Masalah kedua yang disiarkan dalam rencana akhbar arus perdana tempatan ialah masalah kebimbangan masyarakat tentang aktiviti jenayah juvana. Akhbar Utusan Malaysia

menyiarkan sebanyak 15 rencana manakala akhbar Berita Harian menyiarkan sebanyak 7 rencana.

Jadual 1.2 Rencana Tentang Jenayah Juvana oleh Akhbar Arus Perdana Tempatan Sepanjang Bulan April 2004.

Akhbar	Rencana Tentang Jenayah Juvana	Bilangan Rencana	Jumlah Rencana
Utusan Malaysia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Gangsterisme 2. Buli 3. Ponteng sekolah 4. Masalah kanak-kanak 5. Lepak di pusat hiburan 6. Kebimbangan masyarakat 7. Disiplin sekolah 8. Jenayah kanak-kanak (umum) 	<ol style="list-style-type: none"> 11 9 17 6 2 15 11 5 	76
Berita Harian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menghisap rokok 2. Ponteng sekolah 3. Buli 4. Kebimbangan masyarakat 5. Jenayah kanak-kanak (umum) 6. Masalah disiplin 7. Cadangan masyarakat 	<ol style="list-style-type: none"> 1 6 1 7 2 1 7 	25
Harian Metro	<ol style="list-style-type: none"> 1. Gangsterisme 2. Jenayah umum 3. Merokok 	<ol style="list-style-type: none"> 1 2 1 	4
New Straits Times	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jenayah kanak-kanak 2. Cadangan masyarakat 	<ol style="list-style-type: none"> 3 3 	6
The Star	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kawalan tempat hiburan 	<ol style="list-style-type: none"> 1 	1

Sumber: Kajian penulis ke atas laporan akhbar tempatan arus perdana sepanjang bulan April 2004.

Majoriti kes jenayah juvana yang dilaporkan akhbar-akhbar arus perdana tempatan tersebut berlaku di kawasan bandar. Senario ini selaras dengan dapatan kebanyakan kajian tentang punca perlakuan jenayah di kalangan juvana dikaitkan dengan urbanisasi dan perindustrian (Mays, 1968; McIlwaine, 1999; Findlay, 2000; Rokiah, 2000b; Pacione, 2001). Urbanisasi

dan perindustrian telah membawa perubahan dalam persekitaran sosial dan gaya hidup terutama di bandar. Perubahan sosial dalam kawasan bandar ini memberi kesan negatif serta mendorong perlakuan jenayah di kalangan juvana (Herbert,1982; Sujadi dan Handejani, 1997). Perlakuan jenayah di kalangan juvana itu meningkat kerana perubahan persekitaran sosial itu sendiri yang semakin kurang jaringan sosial di kalangan ahli-ahli masyarakat yang memperlihatkan ahli-ahli masyarakat saling tidak mengenali antara satu sama lain dan terlalu sibuk dengan urusan masing-masing (Simons, 2002; Smith, 1983).

Justeru, perlakuan jenayah di kalangan para juvana telah menjadi satu epidemik kepada dunia moden terutamanya kepada bandar-bandar. Terdapat suatu masalah berkaitan persekitaran sosial atau struktur sosial bandar yang mempengaruhi tingkah laku sosial penduduk sehingga menyebabkan jenayah juvana berlaku (Hamnett, 1991: 215; Boggs, 1965). Sementara itu, globalisasi telah mewujudkan persekitaran sosial yang sama di antara negara maju dan negara membangun menyebabkan ruang yang lebih terbuka wujud di mana-mana sahaja (Soja,1996; Sibley,1995). Hal ini dikaitkan dengan keadaan yang sama dalam persekitaran sosial dan struktur sosial di negara maju turut terdapat di negara membangun. Oleh itu, perlakuan jenayah di kalangan juvana hasil persekitaran sosial tertentu ada di mana-mana sahaja tanpa batasan negara.

Sehubungan itu, kajian secara mendalam tentang pesalah juvana dalam persekitaran sosialnya yang terkini adalah amat diperlukan. Kajian ini akan menunjukkan bagaimana persekitaran sosial mempengaruhi juvana untuk terlibat dalam perlakuan jenayah. Kajian ini cuba mendalami imaginasi atau makna yang diberikan oleh juvana tentang persekitaran sosial mereka, dan bagaimana imaginasi ini membentuk perlakuan mereka sehingga melakukan jenayah. Hal ini kerana imej dan makna yang diberi oleh juvana tentang persekitaran sosial mereka akan mempengaruhi juvana untuk terlibat dengan jenayah dalam kehidupan harian mereka.

1.3 Persoalan Kajian

Bertitik tolak daripada senario yang telah dibincangkan di atas, kajian ini menemukan beberapa perkara utama tentang persekitaran sosial sebagai persoalan kajian. Pertama, apakah faktor-faktor yang disediakan oleh persekitaran sosial yang menyebabkan pesalah juvana mengambil tindakan untuk melakukan jenayah. Hal ini berkaitan dengan tingkah laku juvana yang mudah dipengaruhi persekitaran sosial masih belum lagi dikaji dengan teliti dan juga kajian tentang ketidakupayaan juvana mengelakkan diri daripada pengaruh jenayah dalam persekitaran sosial belum diteroka secara mendalam (Walmsley dan Lewis, 1985).

Sehubungan itu, persoalan-persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini adalah merujuk kepada pengaruh persekitaran sosial terhadap pesalah juvana lelaki. Persekitaran sosial yang dikaji dapat dibahagikan kepada dua

bahagian utama iaitu persekitaran sosial individu (PSI) dan persekitaran sosial kolektif (PSK). Persekitaran sosial individu (PSI) adalah bentuk persekitaran sosial yang melemahkan individu dari segi sahsiah. Manakala, persekitaran sosial kolektif (PSK) pula adalah persekitaran sosial yang melemahkan individu terutamanya juvana dalam hubungan mereka dengan masyarakat.

Persoalan-persoalan yang dikemukakan ini akan dijawab melalui kajian penerokaan berbentuk empirikal yang tidak memerlukan pengujian kepada andaian-andaian (hipotesis) yang ditetapkan terlebih dahulu (Johnston, Gregory dan Smith, 1994: 158). Kajian berbentuk penerokaan ini menggabungkan kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Keadaan ini lebih sesuai memandangkan data yang dihasilkan lebih kaya dan mendalam tentang imaginasi juvana dalam persekitaran sosialnya (Bryman, 1984 : 79).

Selain itu, pemahaman yang mendaiam terhadap jenayah juvana perlu dilakukan dengan merujuk kepada para pelaku jenayah tersebut. Data kualitatif akan rnebawa kepada interpretasi tentang pengaruh persekitaran sosial terhadap pesalah juvana dengan lebih mendalam lagi dengan harapan kaedah ini akan menghasilkan perspektif baru dalam melihat pesalah juvana dalam dunia sosial penjenayahan mereka.

Oleh itu, kajian ini dilakukan kepada para pesalah juvana yang terdapat di dua buah institusi di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu

Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar dan Asrama Paya Terubung di Pulau Pinang. Kedua-dua institusi ini menempatkan pesalah jenayah juvana lelaki yang telah melakukan kesalahan jenayah dan dihukum di bawah undang-undang jenayah kanak-kanak di Pulau Pinang dan di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Jenayah di kalangan para juvana akan dapat difahami dengan jelas dengan memberikan tumpuan kepada persekitaran sosial juvana (Findlay, 2000). Oleh itu, objektif umum kajian ini adalah untuk meneliti faktor-faktor persekitaran sosial yang mempengaruhi pesalah jenayah juvana untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti jenayah juvana. Fokus utama akan ditumpukan kepada sama ada persekitaran sosial adalah penyebab kepada tingkah laku manusia terutamanya kepada pesalah jenayah juvana.

Sehubungan itu, objektif khusus kajian ini adalah untuk :

1. Mengenal pasti persekitaran sosial individu (PSI) yang mempengaruhi pesalah juvana di pusat-pusat pemulihan juvana di Pulau Pinang untuk terlibat dalam perlakuan jenayah.

Persekitaran sosial individu (PSI) yang menjadi fokus kajian ialah tahap kehidupan juvana dan peluang kehidupan juvana dalam persekitarannya. Tahap kehidupan ialah keadaan yang menentukan kehidupan seseorang juvana dalam persekitarannya manakala peluang kehidupan dikaitkan

dengan keadaan keluarga dan tempat tinggal juvana. Kedua-dua bahagian akan diteroka dengan lebih mendalam bagi mendapatkan faktor-faktor yang melemahkan individu juvana dan menyediakan motivasi kepada juvana ke arah perlakuan jenayah.

2. Mengenal pasti persekitaran sosial kolektif (PSK) yang menyebabkan pesalah juvana di pusat-pusat pemulihan juvana di Pulau Pinang terpengaruh dengan perlakuan jenayah.

Persekitaran sosial kolektif (PSK) yang diberi tumpuan adalah dari segi persekitaran sosial rumah, kawasan kejiranan dan persekitaran sosial bandar. Ketiga-tiga bahagian akan menentukan jaringan sosial juvana dan masyarakat dalam sesuatu persekitaran sosial tertentu. Kelemahan dalam jaringan sosial ini menjadi daya penarik dan menyediakan peluang kepada juvana untuk melakukan kegiatan jenayah mereka dalam sesuatu persekitaran sosial.

Berdasarkan objektif kajian di atas, kajian ini akan cuba menjawab soalan-soalan penyelidikan seperti di bawah:

1. Apakah faktor-faktor persekitaran sosial individu (PSI) di Pulau Pinang dari segi tahap kehidupan dan peluang kehidupan yang mempengaruhi juvana terlibat dengan jenayah?

2. Apakah faktor-faktor persekitaran sosial kolektif (PSK) di Pulau Pinang dari segi persekitaran sosial rumah, kawasan kejiranan dan persekitaran sosial bandar yang mempengaruhi juvana terlibat dengan jenayah?

1.5 Definisi Operasional Kajian

Persekitaran sosial dalam kajian ini merujuk kepada ruang interaksi manusia dalam aktiviti kehidupan harian mereka (Buttimer, 1969; Caruso dan Palm, 1973; Johnston, 1989: 318; Murphy, 1991 : 22; Johnston, Gregory dan Smith, 1994; Smith, 1999). Walaupun terdapat pelbagai definisi tentang persekitaran sosial seperti yang akan dibincangkan lebih lanjut dalam Bab 2, namun kajian ini menerima saranan Soja (1980) dan Knox dan Pinch (2000) bahawa persekitaran sosial merujuk kepada interaksi dua hala iaitu proses "*sociospatial dialectic*" iaitu manusia yang membentuk dan mengubahsuai persekitarannya dan pada masa yang sama dibentuk oleh persekitaran tersebut dari segi kehidupan dan aktiviti harian. Persekitaran sosial bukan sahaja menjadi penyebab kepada masalah sosial tetapi juga menyediakan persekitaran yang ideal bagi kewujudan pesalah jenayah juvana (Hamnett, 1991).

Persekitaran sosial individu ialah ruang sosial individu yang membentuk hubungan sosial antara seseorang individu dengan individu atau kumpulan yang lain dan menentukan peranan yang dimainkan oleh seseorang individu sosial dalam persekitaran sosialnya.

Persekitaran sosial kolektif ialah ruang yang dikongsi bersama dengan manusia lain yang membentuk hubungan interpersonal antara individu dan masyarakat. Sebagai makhluk sosial, manusia dalam persekitaran sosial kolektif akan dibentuk tingkah lakunya dan cara mereka membuat keputusan dalam ruang sosialnya.

Imaginasi kritikal ialah makna yang diberikan oleh individu kepada "tempat", diri sendiri dan "orang lain" dalam persekitaran sosial mereka. "Tempat" yang dimaksudkan ialah tempat sosial iaitu kedudukan individu dalam hierarki sosial mereka. Kedudukan individu ini dilihat berasaskan hubungan sosial individu dalam masyarakat iaitu sebagai anak, jiran dan sebagai ahli dalam institusi sesebuah masyarakat. Oleh itu, makna "tempat" dilihat berasaskan pengalaman budaya dan tindakan seharian individu dalam kehidupan dan hubungan mereka dengan anggota masyarakat yang lain. Diri sendiri merujuk kepada diri individu tersebut dalam ruang sosialnya. Dalam hal ini, diri sendiri dijadikan sebagai pusat makna dan agensi yang dapat berfikir. Hal ini seterusnya akan mempengaruhi aktiviti dan kehidupan seharian seseorang individu itu. Manakala, "orang lain" pula ialah mereka yang mempunyai hubungan sosial dan interaksi dengan individu itu seperti ibu bapa, jiran, institusi sekolah, institusi agama dan bandar. Justeru, makna "orang lain" dilihat lebih bersifat kefungsiannya oleh individu dalam pemahaman hubungan dirinya sendiri dengan "orang lain" tersebut. Oleh itu, makna "tempat", diri sendiri dan "orang lain" dibentuk oleh pemikiran individu itu sendiri berdasarkan pengalaman sosial dan budayanya (Valentine, 1999: 48).

Driver (1999) dan Valentine (1999) membahagikan imaginasi kepada dua bentuk iaitu imaginasi individu (*individual imagination*) dan imaginasi sosial atau kolektif (*social/collective imagination*). Imaginasi individu dalam kajian penulis ialah bagaimana kedudukan individu juvana dalam ruang ditentukan oleh imaginasinya sendiri. Makna tersebut sesuai dengan konteks dirinya sebagai individu dengan merujuk kepada pengalaman dalam persekitaran sosial sendiri. Makna yang diberikan adalah apa yang difikirkan sesuai dengan dirinya sendiri. Imaginasi sosial dalam kajian penulis ialah imaginasi yang dikongsi oleh individu juvana bersama dengan orang lain seperti ibu bapa, keluarga, rakan sebaya, jiran dan ahli masyarakat dalam ruang sosialnya. Makna sosial ini dibentuk hasil hubungan sosial dirinya sendiri dengan "orang lain" dan "tempat" tersebut. Imaginasi ini membantu juvana menyedari dunia sosialnya malah membentuk tingkah laku juvana dalam dunia sosial tersebut.

Imaginasi kritikal membenarkan sesuatu fenomena itu dilihat dalam perspektif yang baru dan lebih mendalam terutamanya tentang isu-isu sosial seperti perlakuan jenayah di kalangan juvana. Hal ini kerana imaginasi yang dihasilkan oleh individu dapat diulang seperti makna yang diberikan oleh seseorang individu itu terhadap perlakuan jenayah, hubungan dengan ibu bapa dan keluarga. Makna yang diberikan tersebut akan mempengaruhi tindakan seseorang individu juvana dalam kehidupan sehariannya. Selain itu, makna yang diberikan oleh individu terhadap "tempat", diri sendiri dan "orang

lain” tidak boleh digeneralisasikan kerana imaginasi kritikal individu adalah berbeza berdasarkan budaya, pengalaman, peluang yang berbeza antara individu.

1.6 Kepentingan Kajian

Sumbangan utama kajian ini adalah kepada dunia pengetahuan terutamanya kepada pengetahuan bidang geografi sosial. Dapatan kajian ini dapat memperkukuhkan pendapat tentang sumbangan persekitaran sosial dalam mempengaruhi kehidupan sosial manusia, terutamanya golongan juvana. Kefahaman terhadap sumbangan persekitaran menjadikan geografi sosial sebagai ‘disiplin ilmu gunaan’ bagi menyelesaikan masalah masyarakat terutamanya masalah sosial seperti masalah kebajikan kanak-kanak dan masalah sosial pesalah juvana (Johnston, 1989; Johnston, Gregory dan Smith, 1994: 562-563).

Selain itu, kajian ini dapat menyumbang dan memperkaya literatur kajian geografi jenayah. Kajian-kajian sebelum ini lebih menumpukan kepada pembentukan taburan pola jenayah juvana dalam ruang bandar seperti kajian oleh Boggs (1965), Herbert (1976 dan 1982) dan Harries (1974), yang hanya dapat menerangkan pola jenayah tanpa dapat memahami secara mendalam tentang proses-proses sosial yang membawa kepada jenayah. Sebagai sebuah disiplin yang turut berminat menyelesaikan masalah-masalah masyarakat melalui kajiannya (Harvey, 1975; Herbert, 1976; Johnston, 1976; Soja, 1980; Peet, 1998), proses-proses persekitaran sosial individu dan

persekitaran sosial kolektif yang dikaji dalam kajian ini dapat memperkayakan sumbangan geografi sosial dan kemanusiaan.

Paling penting, kajian ini menekankan sensitiviti kepada aspek manusia (iaitu juvana) yang dahulunya telah diketepikan daripada arus penyelidikan utama geografi manusia. Hal ini dapat mengetengahkan juvana sebagai agen sosial yang berpengaruh. Juvana dapat dianggap sebagai 'agensi manusia' yang dapat berfikir dan memberikan makna kepada dunia sosial mereka serta bersuara tentang keadaan geografi mereka sendiri (Pain et. al., 2001). Oleh itu, kajian geografi jenayah dari perspektif geografi sosial dapat memberikan fokus kepada hubungan sosial juvana dan peranan persekitaran sosial yang dibentuk oleh mereka sendiri. Hal ini melibatkan isu-isu kebajikan juvana seperti ketidaksamaan sosial, peminggiran sosial (*social exclusion*) dan keterlibatan sosial (*social inclusion*) juvana dalam ruang dan tempat yang dahulunya tidak diberikan perhatian yang teliti dan khusus.

Kajian yang dijalankan di peringkat lokal ini diharap dapat membantu pihak berkuasa, penggubal dasar dan perancang bandar dan luar bandar memahami hal-hal semasa dalam jenayah juvana. Perkara paling penting ialah memahami dan mengambilkira pandangan para juvana dalam perancangan dan penggubalan sesuatu dasar serta kesan buruk jika pembangunan mengabaikan keperluan mereka (Herz, 1982).

Dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak berkuasa, aktivis sosial dan orang awam agar lebih memahami punca pesaiah jenayah terlibat dengan kesalahan jenayah dan faktor-faktor persekitaran sosial yang memikat mereka kepada perlakuan jenayah. Dengan ini, usaha cegah rintang, pencegahan dan pemulihan akan lebih berkesan.

Kajian tentang pesalah jenayah juvana dari perspektif geografi ini diharap dapat memberikan gambaran dan penjelasan yang mendalam tentang jenayah juvana yang berlaku. Sumbangan kajian ini dapat memastikan bahawa disiplin geografi lebih berorientasikan masyarakat dalam memahami isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat dan seterusnya memastikan bahawa pengetahuan dalam disiplin geografi juga berperanan dalam membantu membentuk polisi dalam negara dan masyarakat.

1.7 Batasan dan Skop Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas pesalah juvana lelaki di dua buah institusi di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia di Pulau Pinang sahaja. Hal ini kerana kebenaran yang diberikan oleh pihak berkenaan untuk menjalankan kajian terhad kepada dua buah pusat pemulihan juvana ini sahaja (keterangan lanjut lihat Bab 5). Mereka yang datang dari luar institusi ini tidak dapat dikaji memandangkan kesukaran untuk mengesan pesalah juvana yang masih bebas dan yang telah dibebaskan. Selain itu, penulis juga menghadapi masalah keselamatan kerana tiada perlindungan semasa berhadapan dengan pesalah juvana yang masih atau telah bebas

kerana perlakuan mereka sukar dijangkakan. Kesukaran juga dialami penulis untuk mendapatkan kerjasama juvana di luar pusat pemulihan juvana kerana isu-isu tentang jenayah di kalangan juvana adalah amat sensitif dan boleh mendorong juvana menjadi tidak senang dengan penulis. Oleh yang demikian, hanya juvana di pusat-pusat pemulihan juvana sahaja yang terlibat dalam kajian ini.

Kajian ini juga membataskan fokusnya kepada persekitaran sosial seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Oleh itu, perkara-perkara lain di luar daripada persekitaran sosial kajian ini (yang juga banyak berkaitan dengan jenayah juvana) tidak akan dibincangkan dalam kajian ini bagi membolehkan kajian ini membuat kupasan teliti dan mendalam tentang persekitaran sosial.

Kajian ini dibataskan kepada pandangan para pesalah juvana sahaja dan tidak mengambilkira tentang pendapat dan kelakuan ibu bapa dan keluarga pesalah juvana tersebut. Beberapa kajian telah dilakukan tentang hubungan anak-anak dan ibu bapa, corak disiplin serta pengaruh ibu bapa yang terlibat dengan jenayah terhadap pesalah juvana (Rutter, 1978: 98-99). Walau bagaimanapun, hal ini tidak dikaji dalam kajian ini di atas sebab-sebab sensitiviti kerana terlibat dengan undang-undang yang melindungi hak juvana dan hal ini tidak termasuk dalam perkara yang ingin diselidiki oleh kajian ini. Kajian ini hanya menggunakan persepsi dan pengalaman pesalah juvana terhadap kesalahan jenayah yang telah dilakukan oleh mereka dan seterusnya cuba dikaitkan dengan persekitaran sosial seperti yang telah

ditentukan oleh kajian ini. Hal ini memadai kerana kajian ini mengambilkira juvana sebagai agen sosial yang dapat berfikir, berusaha, bertindakbalas dan menginterpretasi suasana kehidupan mereka sendiri dan dalam hal ini kajian ini akhirnya dapat melihat dunia sosial juvana dari perspektif mereka sendiri (Bryman, 1984: Eyles, 1988: 2; Wolf, 1992: 408; Robinson, 1998: 407; Pain, 2004: 652).

1.8 Organisasi Kajian

Bab seterusnya (Bab 2) menyorot literatur yang berkaitan tema utama tesis ini dan membincangkan konsep juvana dan teori-teori jenayah yang telah diutarakan oleh para pengkaji daripada pelbagai bidang. Fokus utama ditumpukan kepada teori- teori yang relevan dengan kajian ini. Seterusnya, suatu rangka konseptual telah dibentuk tentang persekitaran sosial individu dan persekitaran sosial kolektif yang dirangka menjadi latar belakang kepada individu juvana.

Bab 3 membincangkan jenayah juvana di Malaysia dan sebab-sebab mereka terlibat dalam perlakuan jenayah. Sistem keadilan jenayah juvana yang digunapakai di Malaysia bagi menghakimi perlakuan jenayah di kalangan juvana turut dijelaskan sebagai latar belakang kepada pesalah jenayah juvana. Bab 4 menjelaskan latar belakang jenayah juvana di Pulau Pinang. Pengaruh persekitaran sosial individu dan persekitaran sosial kolektif yang mendorong juvara melakukan jenayah juga dijelaskan. Bab 5 membincangkan strategi kajian yang digunakan bagi menjalankan kajian ini

yang menggabungkan kaedah soal selidik, temu bual mendalam dan pemerhatian ikut serta untuk mendapatkan data kualitatif dan kuantitatif tentang persekitaran sosial pesalah jenayah juvana yang terlibat dalam kajian ini.

Analisis dapatan kajian dibincangkan dalam Bab 6 dan Bab 7. Bab 6 memeriksa persekitaran sosial individu (PSI) iaitu tahap kehidupan dan peluang kehidupan juvana dalam menjadi punca mempengaruhi para juvana terlibat dengan perlakuan jenayah. Persekitaran sosial individu (PSI) yang tidak kondusif akan menyebabkan individu lebih tertarik untuk terlibat dengan perlakuan jenayah. Bab 7 pula meninjau persekitaran sosial kolektif (PSK). Perbincangan dapatan berfokuskan kepada faktor-faktor persekitaran sosial rumah, persekitaran sosial kawasan kejiranan dan persekitaran sosial bandar. Persekitaran sosial kolektif yang tidak dapat mewujudkan jaringan sosial yang positif menyebabkan kawalan terhadap juvana menjadi longgar menyebabkan juvana mudah terjebak dalam aktiviti jenayah.

Bab 8 merumuskan penemuan utama kajian ini serta menggabungkan model-model persekitaran sosial individu dan persekitaran sosial kolektif dalam satu rangka konsep yang lengkap untuk melihat masalah persekitaran sosial juvana di Malaysia. Rangka konsep ini boleh digunakan untuk menangani masalah perlakuan jenayah di kalangan juvana di samping memberi sumbangan kepada penggubalan dasar yang relevan untuk menangani masalah juvana. Selain itu, kajian ini juga mengutarakan

beberapa potensi untuk kajian masa depan dan kajian lanjutan dalam bidang kajian geografi sosial dan geografi jenayah.

BAB 2 : JUVANA, JENAYAH DAN PERSEKITARAN SOSIAL: SATU SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Jenayah dan penjenayahan telah banyak dijadikan subjek kajian bukan sahaja untuk tujuan mencari punca jenayah dan penjenayahan yang berlaku dalam masyarakat tetapi juga untuk mengatasi masalah sosial ini dalam masyarakat. Hal ini berkaitan kesan yang ditimbulkan oleh masalah jenayah telah menyentuh semua aspek dalam kehidupan harian masyarakat dan negara.

Bab ini akan menyorot kajian lepas tentang teori-teori jenayah dan akhirnya menyediakan satu rangka kerja konseptual yang digunakan dalam kajian ini. Wacana yang ada membincangkan faktor-faktor persekitaran sosial individu (PSI) dan persekitaran sosial kolektif (PSK) akan dibincangkan secara mendalam. Teori-teori tentang jenayah yang telah dikaji akan digunakan untuk memahami dan memeriksa perlakuan jenayah di kalangan para juvana lelaki di pusat-pusat pemulihan juvana di Pulau Pinang. Kesesuaian teori dan penemuan pengkaji-pengkaji tersebut akan dibincangkan dalam bab-bab yang berikutnya.

2.2 Konsep Juvana dan Pesalah Juvana

Beberapa pengkaji dari pelbagai disiplin telah membahaskan tentang konsep 'juvenile' (bermaksud orang muda) dan mendapati bahawa konsep juvana telah dibentuk untuk pelbagai tujuan sama ada dari segi sosial, komersil, undang-

undang dan kajian-kajian yang dijalankan oleh ahli-ahli akademik (Newman dan Newman, 1979: x ; Bynum dan Thompson, 1992: 34 ; Stillion dan McDowell, 1996: 95-99; Valentine, 1996; Steinberg, 1999: 4-5; Lauer dan Lauer, 2002: 150). Walaupun tidak terdapat persetujuan yang nyata dalam mendefinisikan konsep juvana, namun secara umumnya konsep juvana dirujuk kepada umur perantaraan antara kanak-kanak dan dewasa manakala batasan usia juvana antara 10 hingga 21 tahun pula berasaskan kepada faktor perbezaan keadaan persekitaran sosial dan budaya setempat (Bynum dan Thompson, 1992: 34 ; Lauer dan Lauer, 2002: 150; Stillion dan McDowell, 1996: 95-99; Steinberg, 1999: 4-5; Newman dan Newman, 1992: x ; Powell, 1963: 2).

Berkaitan juvana yang terlibat dengan jenayah, banyak pengkaji telah mencadangkan dalam penulisan mereka bahawa pesalah jenayah juvana ialah mereka yang belum mencapai umur dewasa tetapi telah melakukan tingkah laku yang melanggar undang-undang jenayah dan undang-undang status, telah melalui sistem keadilan jenayah dan dihukum oleh mahkamah kanak-kanak tentang kesalahan jenayah yang telah dilakukan (Trojanowicz dan Morash, 1987: 3; Bynum dan Thompson, 1992; Lauer dan Lauer, 2002: 150; Bartol, 2002: 29). Definisi ini merangkumi kesemua juvana yang terlibat dengan jenayah juvana iaitu dari sudut pelaku, undang-undang jenayah dan masyarakat yang terlibat (Bynum dan Thompson, 1992). Kesalahan jenayah yang dilakukan oleh juvana ini adalah hasil interaksi para juvana dalam persekitaran sosial mereka yang menyebabkan mereka terjebak dalam perlakuan yang melanggar undang-undang jenayah. Oleh

itu, bahagian seterusnya akan mengulas tentang teori-teori jenayah yang memberikan penjelasan tentang etiologi perlakuan jenayah di kalangan juvana.

2.3 Teori Ekologi Tentang Perlakuan Jenayah Juvana

Teori Ekologi ini menggunakan pendekatan organik dalam mengkaji komuniti bandar dengan berfokuskan penyesuaian manusia kepada persekitaran yang terhad (Micklin, 1973: 5; Hagan, 2002: 154). Mereka memfokuskan kajian kepada pengaruh persekitaran ekologi bandar dari sudut organisasi sosial dan aktiviti manusia. Dua bentuk utama hubungan ekologi yang ditekankan ialah pada peringkat kolektif dengan merujuk kepada proses sosial dan pada peringkat individu dengan merujuk kepada peranan sosial.

Beberapa orang pengkaji berpendapat bahawa idea asas tradisi ekologi ini ialah perkembangan bandar dan lokasi kawasan tertentu serta masalah sosial berlaku di kawasan tersebut adalah mengikut pola-pola tertentu yang boleh dikenal pasti (Shaw dan McKay, 1968: 18 ; Curran dan Renzetti, 1994: 136 ; William III dan McShane, 1994: 53 ; Regoli dan Hewitt, 2000: 112). Hasil pemerhatian tentang keadaan kehidupan penduduk di bandar Chicago, pengkaji-pengkaji ini menyimpulkan bahawa pada peringkat kolektif, kehidupan penduduk di bandar menjadi bertambah kompleks dan hubungan sosial adalah berbentuk mekanikal (Shaw dan McKay, 1968: xix). Pada peringkat individu pula, seseorang yang tidak dapat menyesuaikan peranan sosial mereka berdasarkan keadaan tempat dan situasi yang telah ditentukan akan mudah terpengaruh dengan tingkah laku jenayah (Shaw dan McKay, 1968). Perubahan hubungan sosial pada peringkat

kolektif dan individu membawa kepada proses kecelaruan sosial dan juvana yang tinggal di kawasan yang mengalami kecelaruan sosial mempunyai peluang yang lebih tinggi terdedah kepada perlakuan jenayah (Shaw dan McKay, 1968).

Kumpulan Sosiologi daripada Universiti Chicago yang ditubuhkan pada tahun 1892 telah mengembangkan kajian tentang jenayah juvana berasaskan teori ekologi ini (Herbert, 1982: 22; William III dan McShane, 1994: 51; Curran dan Renzetti, 1994: 135). Shaw dan McKay (1968) ialah dua orang pemikir kumpulan Universiti Chicago telah mengkaji tentang jenayah juvana dan kawasan bandar di Chicago. Mereka telah menggunakan konsepsi bandar oleh Burgess yang menjelaskan bahawa bandar mempunyai bulatan sepusat yang bermula daripada kawasan perniagaan pusat dalam bandar (Jeaffrey, 1990: 402). Mereka mengatakan bahawa masalah-masalah sosial dilihat lebih banyak di zon pusat dan semakin berkurangan mengikut zon-zon selanjutnya. Lebih jauh seseorang itu daripada pusat bandar maka lebih kurang masalah sosial yang dirasai (lihat peta 2.1). Mereka juga berpendapat bahawa keadaan ini adalah sama di mana-mana bandar di Amerika. Kajian yang dilakukan oleh Bursik dan Webb (1982) di Chicago antara tahun 1940-1970 menunjukkan sokongan terhadap teori ini dan mendapati bahawa kadar jenayah juvana berkurangan dari pusat bandar dan akan stabil di kawasan berstatus tinggi yang jauh dari pusat bandar. Para pengkaji ini beranggapan bahawa bandar bertanggungjawab terhadap sebahagian besar daripada masalah dalam masyarakat seperti urbanisasi, perkembangan bandar, masalah kekeluargaan dan pendatang asing dan menyalahkan perubahan sosial yang